

07/01/2001

Pas kemuka syarat baru (HL)

Azran Jaffar

KUALA LUMPUR: Pas mahu perbincangan tiga pihak antara Umno, Pas dan Keadilan mengenai perpaduan Melayu, menjurus kepada kepentingan nasional, bukan untuk satu kaum saja.

Menerusi syarat baru itu, Pas mencadangkan perbincangan diadakan di Parlimen berdasarkan format delegasi supaya lebih banyak pandangan dan cadangan dapat didengar.

Presidennya, Datuk Fadzil Noor berkata, skop perbincangan mestilah lebih luas sejajar dengan konsep negara berbilang kaum.

"Tentulah tidak wajar kalau Melayu mengamalkan budaya bincang satu kaum saja kerana dikhuatiri kaum lain turut berbuat demikian dalam satu majlis berasingan.

"Jika kita berbuat begitu, ia tidak akan menyelesaikan masalah perpaduan yang dihadapi negara," katanya sambil memberitahu keputusan mesyuarat pemimpin tertinggi parti itu di Markas Pas di sini, semalam.

Turut menyertai mesyuarat itu ialah Menteri Besar Terengganu, Hadi Awang, Naib Presiden, Mustafa Ali, Setiausaha Agung, Nasharudin Mat Isa dan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar.

Menurut Fadzil, Pas mengambil keputusan begitu kerana berpendapat perpecahan di kalangan orang Melayu tidak berlaku, sebaliknya sokongan orang Melayu beralih ke parti Pas dan Keadilan.

Mesyuarat itu adalah lanjutan daripada langkah Umno merangka format perpaduan dalam usaha mengembalikan semula perpaduan orang Melayu dengan mengajak pemimpin Pas dan Keadilan untuk bersemuka.

Cadangan itu dinyatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas mempengerusikan mesyuarat Pengurusan dan Disiplin Umno, Rabu lalu.

Fadzil juga berkata beliau ada menerima surat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta persetujuan Pas untuk diadakan perbincangan itu dan akan menjawab sebaik Perdana Menteri pulang dari Myanmar.

"Di dalam surat itu turut dinyatakan bahawa soal tempat dan masa akan dirundingkan kemudian dan kita akan melantik wakil untuk berunding dengan wakil Umno dan Keadilan berhubung soal itu," katanya.

Mengenai delegasi yang akan menyertai pertemuan itu Fadzil berkata, ia mestilah daripada pimpinan pusat dan bagi Pas pihaknya belum menamakan siapa yang akan menyertainya.

Berhubung cadangan DAP yang ingin turut sama dalam perbincangan, Fadzil berkata, pada peringkat ini Pas menerima hasrat Umno untuk diadakan pertemuan antara tiga parti dahulu.

Ketika diminta mengulas mengenai persetujuan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menggugurkan tuntutan berhubung tujuh perkara mengenai hak dan kedudukan orang Melayu/Bumiputera, Fadzil berkata, ia sebenarnya sudah dipersetujui dalam pertemuan antara Suqiu dengan sekretariat barisan alternatif sebelum ini yang diketuai Dr Chandra Muzafar.

"Barisan alternatif beri pandangan dan mereka bersetuju, sebab itu persetujuan menggugurkannya bukan hasil pertemuan dengan Umno tetapi itu satu keputusan yang dibuat oleh mereka," katanya.

(END)